

3. **PENGISYTIHARAN PERKAHWINAN** (Notis Perkahwinan pada Papan Kenyataan Gereja) – Pengisytiharan perkahwinan anda akan dipaparkan di papan kenyataan Katedral untuk tempoh 1 bulan sebelum hari perkahwinan sebenar anda.

## **PERATURAN UMUM DI KATEDRAL**

### **Pergi Pejabat Paroki untuk membuat pengaturan:**

- Tarikh & Masa bagi raptai perkahwinan.  
Tepati masa kerana raptai ini dilakukan bersama pasangan lain.
- Bantuan Liturgi seperti Koir, Pembaca, Pengulas, dll.
- Bunga & hiasan.
- Tempahan Galeri Paroki untuk hidangan ringan/ makan tengah hari.

### **Buku Kecil Perkahwinan (Booklet)**

- Katedral membekalkan salinan yang mencukupi untuk buku kecil Upacara Perkahwinan bagi kegunaan awam. Buku kecil ini TIDAK boleh dialih dari Gereja.
- Jika anda ingin mencetak Buku Kecil Perkahwinan sendiri, sila hubungi Pejabat Paroki untuk mendapatkan salinan lembut. E-melkan salinan rangka anda kepada kami di <sjcoffice@yahoo.com.my> Sila hantarkan satu salinan keras (hard copy) kepada paderi untuk penyemakan dan kelulusan, sekurang-sekurangnya SATU bulan sebelum hari perkahwinan yang anda rancang.

### **Jubah Pengantin Perempuan dan Kod Pakaian di dalam Gereja**

- Jubah pengantin perempuan seharusnya meliputi bahu sepenuhnya dan tidak terlalu mendedahkan (seperti potongan rendah atau belakang terdedah).  
Jika demikian, penggunaan selendang amat disarankan.
- Perkara ini turut merangkumi para pengapit pengantin, saksi, pembaca, pengulas, dll.  
Pakaian patutlah bersesuaian dan bersopan.

### **Garis Panduan Umum di dalam Katedral**

- Jangan ubah sistem bunyi dalaman Katedral
- Tiada penayangan digital diizinkan apabila menggunakan kemudahan dalam Katedral
- Tiada konfeti / kelopak bunga dibenarkan di dalam dan di luar Katedral

### **Bagi Penjual Bunga**

Pastikan penjual bunga yang anda lantik mematuhi yang berikut ketika menghias gereja.

- Hormati kesucian tempat suci – lantai yang dibangkitkan di sekeliling mazbah (Altar).
- Jangan gunakan pita pelekat, stapler, paku payung atau pin-pin di bangku kayu gereja. Sebaliknya, reben dan bunga pada dirian disyorkan.
- Jangan letak bunga atau apa-apa barang hiasan di atas mazbah.
- Jangan guna belon helium di dalam Katedral.

### **Bagi Jurugambar atau Jurukamera Video**

Sila memesan jurugambar yang anda lantik untuk menghormati kesucian tempat suci (sanctuary).

- Pada setiap masa, jangan melangkah ke atas tempat suci – lantai yang dibangkitkan di sekeliling mazbah. Gunakan kanta telefoto sebagai ganti.
- Kanta biasa untuk menangkap gambar dari depan tempat suci ketika pertukaran cincin.
- Kanta biasa untuk menangkap gambar ketika penandatanganan dokumen di meja tepi.

### **Pada Hari Perkahwinan anda**

- Tepati masa untuk khidmat perkahwinan anda
- Minta tetamu bukan-Katolik yang menghadiri khidmat perkahwinan supaya menghormati kesucian tempat suci / katedral dan memadamkan semua telefon bimbit.
- Pengulas yang anda lantik perlu mengingatkan Jemaah di Misa perkahwinan anda bahawa Komuni Kudus adalah untuk para Katolik sahaja.
- Selepas perkahwinan anda, anda boleh mengambil gambar di pintu masuk Katedral.  
Sila sedar akan masa anda kerana mungkin ada khidmat perkahwinan lain kemudian.



# ST. JOSEPH'S CATHEDRAL, KUCHING 古晋圣若瑟总主教座堂

☎: 082-423424 FAX: 082-233805 E✉: sjcoffice@yahoo.com.my Website: stjosephkuching.org

## GARIS PANDUAN PENTING UNTUK MEMBANTU PASANGAN DALAM PENYEDIAAN PERKAHWINAN DI DALAM GEREJA KATOLIK DI MANA SEKURANG-KURANGNYA SEORANG DARIPADA PASANGAN ADALAH SEORANG KATOLIK

### GAMBARAN MENYELURUH

1. Hubungi Pejabat Paroki Katedral
  - ✓ Hadiri Kursus Praperkahwinan
  - ✓ Semak sama ada tarikh yang diminta ada kekosongan
2. Laporkan kepada Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
3. Tetapkan Temu Duga (Pertanyaan Praperkahwinan) dengan seorang Paderi Paroki
  - ✓ Datang untuk Pertanyaan Praperkahwinan pada waktu pejabat
  - ✓ Hantar dokumen JPN dan Gereja yang berkaitan
  - ✓ Mengesahkan Tarikh dan Masa Perkahwinan
4. Menyediakan diri secara rohaniah
  - ✓ Berdoa & pergi ke Misa bersama
  - ✓ Pengakuan dosa
5. Datang untuk raptai perkahwinan
6. Berada di Katedral tepat pada masa untuk perkahwinan anda

### **NOTA-NOTA PENTING bagi anda & tunang anda**

- Hadiri kursus Praperkahwinan sekurang-kurangnya ENAM bulan sebelum perkahwinan yang anda rancang. Sijil Kursus Praperkahwinan sah untuk DUA tahun sahaja.
- Hubungi Pejabat Paroki Katedral untuk memeriksa sama ada tempat dan tarikh bagi perkahwinan yang anda cadang sedia ada, sekurang-kurangnya ENAM bulan terlebih dahulu.
- Jangan cetak kad jemputan atau menetapkan hari perkahwinan anda sebelum berunding dengan Paroki dan menjelaskan semua keperluan Kerajaan dan Gereja.
- Semua dokumen patut berada dalam susunan SATU bulan sebelum tarikh perkahwinan anda yang disahkan. Dokumen yang tidak lengkap boleh menyebabkan pembatalan tempahan perkahwinan anda.

### **Pejabat Paroki Katedral St. Joseph**

Waktu Pejabat <b>KATEDRAL</b>	Hari	Pagi	Petang
	Isnin – Sabtu	8 am - 12 pm	2 pm - 5 pm
Ahad	8:30 am - 11:30 am	Tutup	
<i>Tutup pada Hari Perayaan, Hari Suci Wajib &amp; Cuti Umum</i>			
Lokasi	Tingkat bawah rumah Paderi di belakang Katedral. Website: stjosephkuching.org E✉: sjcoffice@yahoo.com.my ☎: 082-423424		

### **Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)**

Waktu Pejabat <b>Simpang 3</b>	Hari	Sesi 1	Sesi 2
	Isnin – Khamis	8 am - 1 pm	2 pm - 5 pm
Jumaat	8 am - 11:45 am	2:15 pm - 5 pm	
<i>Tutup pada Sabtu, Ahad &amp; Cuti Umum</i> ☎: 082-238317 / 238320			
Lokasi	Tingkat Bawah, Bangunan Telekom, Jalan Simpang Tiga, 93200 Kuching		
Waktu Pejabat <b>UTC</b>	Sabtu – Khamis	8:30 am - 6:30 pm	7:30 pm - 9 pm
	Jumaat	8:30 am - 11:45 pm	2:15 pm - 9 pm
<i>Tutup pada Cuti Umum</i> ☎: 082-258221 / 237932 / 239448			
Lokasi	Bangunan UTC, Jalan Bukit Mata Kuching, 93100 Kuching		

## DAFTAR PERKAHWINAN JPN.KC05 (SIJIL PERKAHWINAN)

Terdapat dua cara perkahwinan didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

### (I) AKAD NIKAH (SOLEMNISASI)

#### **PERKAHWINAN GEREJA DENGAN PENERBITAN SIJIL PERKAHWINAN JPN.KC05**

Perkahwinan Sivil dan perestuan dilakukan serentak di dalam Gereja oleh seorang paderi yang berdaftar dengan JPN sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan

- Untuk berbuat demikian, pergi ke Bahagian Perkahwinan dan Penceraian di Pejabat JPN serta dapatkan Borang JPN.KC02.
- Isi Borang JPN.KC02 bahagian A, B dan D.2.
- Pergi ke Pesuruhjaya Sumpah pilihan anda untuk mengesahkan bahagian D.2. Yuran minimum akan dikenakan (RM4/-).
- Pergi balik ke Pejabat JPN untuk membayar RM20/-. Simpan Resit Rasmi. Pengesahan dengan Resit Rasmi ini adalah sah hanya untuk ENAM bulan sebelum tarikh sebenar perkahwinan.
- Tetapkan satu temu janji temu duga dengan Pejabat Paroki bagi anda berdua bertemu dengan paderi untuk satu Pertanyaan Praperkahwinan (2-6 bulan sebelum hari perkahwinan yang anda rancang).
- Bagi Pertanyaan Praperkahwinan, sila bawa dokumen-dokumen berikut bagi anda berdua:
  - Borang JPN.KC02 yang disahkan dan Resit Rasmi
  - Sekeping gambar bersaiz pasport terkini anda
  - Dua (2) salinan Kad Pengenalan anda (Kedua-dua belah)
  - Dua (2) salinan Sijil Kelahiran anda
  - Dua (2) salinan Kad Pengenalan bagi kedua-dua saksi (lelaki & perempuan), Katolik, berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan bukan ahli keluarga terdekat. (Sila tulis Nama Baptis mereka) [*Makluman: Kami mengesyorkan bahawa anda mencari pasangan Katolik yang boleh berjalan dengan anda dalam kehidupan berkahwin anda, untuk menjadi saksi anda*]
  - Cabutan asal Sijil Pembaptisan anda dari Paroki Pembaptisan – dikeluarkan dalam ENAM bulan terakhir dan dengan taraf “**BEBAS UNTUK BERKAHWIN**” ditandatangani oleh paderi paroki tersebut
  - Satu salinan Sijil Penguatan anda
  - Satu salinan Sijil Kursus Praperkahwinan anda
  - Akuan Berkanun asal daripada Pegawai Memerintah di mana satu pihak bagi perkahwinan adalah seorang anggota tentera atau polis yang masih aktif berkhidmat.
  - Akuan Berkanun asal oleh Pesuruhjaya Sumpah (misalnya dalam kes di mana “taraf” atau “agama” adalah tidak tepat berdasarkan rekod JPN).
  - Petisyen Penceraian & Sijil Menjadikan Dikri Tidak Mutlak (jika sebarang pihak terlibat pernah bercerai).
- Ketika khidmat perkahwinan anda di dalam Gereja, DAFTAR PERKAHWINAN JPN.KC05 (Sijil Perkahwinan) dan sebuah Buku Rekod Keluarga akan diberi oleh paderi yang mempengerusikan khidmat perkahwinan.

<b>YURAN &amp; DERMA</b>	
Yuran Akuan Berkanun (bayar kepada Pesuruhjaya Sumpah)	RM4.00
Yuran Pendaftaran Perkahwinan (bayar kepada JPN)	RM20.00
Derma bagi Pemberkatan Perkahwinan	RM40.00
Derma bagi penggunaan Galeri Paroki untuk hidangan ringan / makan tengah hari	RM50.00
Derma bagi penggunaan bekalan kuasa Cathedral untuk lampu tambahan bagi mengambil gambar / rakaman video, dan lain-lain.	RM50.00
Tanda penghargaan untuk Koir, Pembaca, Pengulas, Pelayan Mazbah, Paderi, Sakristan dan mereka yang membantu dalam Khidmat Perkahwinan anda	Mengikut budi bicara anda sendiri
Sumbangan kepada Gereja untuk penggunaan Katedral/ Gereja kecil (Chapel)	sendiri

## **(II) KONVALIDASI**

### **PERKAHWINAN DI JPN DIKUTI PERESTUAN DALAM GEREJA**

Sijil Perkahwinan Sivil (DAFTAR PERKAHWINAN JPN.KC05) dikeluarkan oleh JPN, dan perestuan perkahwinan akan mengambil tempat kemudian di Gereja.

- Pergi ke Bahagian Perkahwinan dan Penceraian Pejabat JPN, dapatkan Borang JPN.KC02 serta buat apa yang perlu untuk memenuhi keperluan JPN.
- Untuk mendaftar perkahwinan sivil anda di hadapan Majistret, sila bawa dokumen-dokumen berikut bagi anda berdua:
  - Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran asal anda
  - Satu Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran anda
  - Satu gambar bersaiz pasport terkini anda
  - Jika anda berasal dari negara lain, anda mungkin perlu membawa bersama sehelai sijil pengesahan (contohnya Sumpah Berkanun dari Kedutaan / Konsulat negara anda) menyatakan anda adalah bebas untuk berkahwin.
- Sebaik sahaja JPN telah mengeluarkan Sijil Perkahwinan anda (DAFTAR PERKAHWINAN JPN.KC05), terus untuk menetapkan satu temu janji temu duga dengan Pejabat Paroki bagi anda berdua untuk bertemu dengan paderi untuk Pertanyaan Praperkahwinan (2-6 bulan sebelum hari perkahwinan yang anda rancangan).
- Untuk Pertanyaan Praperkahwinan, sila bawa dokumen-dokumen berikut bagi anda berdua:
  - Satu Salinan DAFTAR PERKAHWINAN JPN.KC05 / KC07
  - Sekeping gambar bersaiz pasport terkini anda
  - Satu Salinan Kad Pengenalan anda (Kedua-dua belah)
  - Satu Salinan Sijil Kelahiran anda
  - Satu salinan Kad Pengenalan bagi kedua-dua saksi (lelaki & perempuan), Katolik, berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan bukan ahli keluarga terdekat. (Sila tulis Nama Baptis mereka) [*Makluman: Kami mengesyorkan bahawa anda mencari pasangan Katolik yang boleh berjalan dengan anda dalam kehidupan berkahwin anda, untuk menjadi saksi anda*]
  - Cabutan asal Sijil Pembaptisan anda dari Paroki Pembaptisan – dikeluarkan dalam ENAM bulan terakhir dan dengan taraf **“BEBAS UNTUK BERKAHWIN”** ditandatangani oleh paderi paroki tersebut
  - Satu salinan Sijil Penguatan anda
  - Satu salinan Sijil Kursus Praperkahwinan anda
  - Akuan Berkanun asal daripada Pegawai Memerintah di mana satu pihak bagi perkahwinan adalah seorang anggota tentera atau polis yang masih aktif berkhidmat.
  - Akuan Berkanun asal oleh Pesuruhjaya Sumpah (misalnya dalam kes di mana “taraf” atau “agama” adalah tidak tepat berdasarkan rekod JPN).
  - Petisyen Penceraian & Sijil Menjadikan Dikri Tidak Mutlak (jika sebarang pihak terlibat pernah bercerai).
- Ketika khidmat perkahwinan anda di dalam Gereja, satu Buku Rekod Keluarga akan diberi oleh paderi yang mempengerusi.

### **Nota Penting**

1. **HARI / TARIKH UNTUK DIELAK** (untuk perkahwinan anda di dalam Gereja) - Setiap Ahad, Rabu Abu, Setiap Jumaat Prapaskah, Minggu Suci, Isnin Paskah, Khamis Kenaikan Tuhan, Pesta Bunda Maria Diangkat ke Syurga (15 Ogos), Hari Para Kudus (1 November), Hari Peringatan Para Arwah (2 November) dan 20 hingga 25 Disember. Ketika Prapaskah dan Adven, adalah disarankan bahawa perkahwinan diraikan secara sederhana untuk mengekalkan semangat Musim.
2. **KEBENARAN IBU BAPA** (bagi GOLONGAN BAWAH UMUR) – Jika anda berumur bawah 21 tahun, bapa anda (*atau ibu, jika bapa telah meninggal dunia*) mesti pergi bersama anda ke Pejabat Pendaftaran untuk mengisi Borang JPN.KC01B untuk mengesahkan kebenaran ibu bapa untuk perkahwinan anda. Bagi gadis melebihi 16 tetapi kurang dari 18 tahun, kebenaran diperlukan daripada Ketua Menteri melalui Borang JPN.KC01D.